

# Henti operasi YWP Media diputus Lembaga Pengarah

**Kuala Lumpur:** Dakwaan terhadap Dewan Bandaranya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai punca penutupan operasi YWP Media susulan kegagalan melunaskan bayaran dinafikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa.

Beliau berkata, YWP Media adalah anak syarikat di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan keputusan penutupannya diputuskan oleh Lembaga Pengarah selepas perbincangan terperinci.

“Kita dengar pelbagai isu kebelakangan ini, termasuk hal kewangan dan selepas dibincang di peringkat lembaga, ia diputuskan sebagai satu *business decision* untuk menghentikan operasinya.

“Kita sudah nyatakan dan lantik Ketua Pegawai Eksekutif baharu serta pertanggungjawaban itu akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Peluncuran Tabung Endowmen DBKL di Institut Latihan DBKL di sini, semalam.

Mengulas dakwaan sya-

rikat ditutup kerana DBKL gagal melunaskan bayaran, Zaliha menjelaskan bahawa semua bayaran dibuat mengikut perkembangan kerja yang disiapkan, selaras dengan perjanjian yang dimeterai antara kedua-dua pihak.

“Sudah tentunya DBKL akan membayar mengikut proses kerja yang dilaksanakan, jadi bagi saya kalau kerja itu tak siap, maka sudah tentu menjadi tanggungjawab DBKL untuk tidak membayarnya sehingga kerja-kerja yang dinyatakan itu diselesaikan,” katanya.

Malah, beliau turut menegaskan bahawa adalah tidak adil untuk menuding jari kepada DBKL sebagai punca tunggal penutupan kerana keputusan berkenaan membabitkan pelbagai aspek dalaman YWP yang turut bertanggungjawab melihat keseluruhan kebajikan entiti di bawahnya.

Untuk rekod, akhbar Wilayahku yang bernaung di bawah YWP Media sejak Januari 2019 mengumumkan penutupan operasi berkuatkuasa serta merta pada 1 Julai lalu.